

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

YFP 303 - Penerbitan Televisyen II

Tarikh: 13 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

---

Jawab soalan 1 dan EMPAT (4) soalan yang lain.

1. Penerbitan sesuatu rancangan televisyen di dalam studio bermula daripada konsepsi ideanya oleh penerbitnya, tetapi menyempurnakan rancangan itu bergantung banyak kepada perancangan yang teliti oleh penerbit dan bantuan kru studio. Merujuk kepada penerbitan studio yang dibuat oleh kumpulan anda (semester I) terangkan bagaimanakah idea tersebut wujud dan bagaimanakah ia dilaksanakan sehingga rancangan itu disempurnakan.
2. Huraikan apakah perbezaan-perbezaan penting di antara media filem dan media video. Terangkan juga bagaimana video menjadi media asas di dalam siaran televisyen.
3. Laporan video yang menjadi sebahagian siaran berita harus mengandungi beberapa ciri yang penting untuk mengeluarkan tajuknya dengan menarik dan berkesan. Huraikan apakah ciri-ciri tersebut. Di mana perlu rujuk kepada penerbitan anda sendiri dan gunakan juga penerbitan anda itu sebagai contoh untuk menerangkan ciri-ciri ini.
4. Huraikan dengan ringkas perkara-perkara berikut:
  - a) Fokus imej
  - b) Cahaya utama (key light)
  - c) Ruang kepala
  - d) Ruang pandang
  - e) Pelan Pentas
  - f) Saiklorama
  - g) Nisbah bidang (aspect ratio)
  - h) Syot lutut (knee syot)
  - i) Syot tengahan (medium syot)
  - j) "Kiu penyampai"

...2/-

5. Pilih tiga daripada empat tajuk yang berikut dan huraikan apakah panduan-panduan utama yang harus diikuti apabila menyediakannya untuk suatu siaran berita televisyen:
- a) Berita
  - b) Ulasan berita
  - c) Laporan Kampus (melalui video)
  - d) Temuramah tentang sesuatu isu
6. Kewujudan TV3 di Malaysia merupakan suatu cabaran besar kepada Televisyen Malaysia (RTM). Bincangkan bagaimanakah TV Malaysia menghadapi cabaran ini khususnya daripada segi penghiburan.

-oooOooo-